

24 NOV 2001

Mahathir-Misuari

TIADA SUAKA POLITIK UNTUK NUR MISUARI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 24 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak bersedia untuk memberi perlindungan politik kepada bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari atau pengikutnya di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ini adalah perkara dalaman Filipina. Malaysia tidak harus campur tangan dengan memberi perlindungan kepada pemberontak dari negara lain," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Asiaspace dot com, sebuah syarikat yang dibenarkan menyediakan akses kepada "Worldspace System" di Malaysia.

"Worldspace System" adalah perkhidmatan siaran audio digital satelit.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak boleh menjadi tempat untuk mereka (Nur Misuari dan pengikutnya) mencari perlindungan sebab kerajaan telahpun menolong seberapa yang boleh untuk rakyat Filipina Selatan mendapat autonomi di wilayah itu.

"Autonomi telah diberikan tetapi malangnya bila mereka mendapat kuasa, mereka tidak menggunakan kuasa itu untuk pembangunan wilayah selatan Filipina. Sebaliknya kita dapati pemimpinnya seperti Misuari jarang berada di selatan Filipina.

"Mereka lebih kerap berada di luar negara ataupun di Manila." katanya.

Beliau juga berkata bahawa Malaysia tidak melihat sebarang usaha dibuat oleh pemimpin di selatan Filipina untuk memenuhi janji-janji mereka kepada rakyat di sana.

Katanya, Malaysia pernah menolong Misuari untuk mencapai penyelesaian dengan kerajaan Filipina tetapi malangnya apabila beliau dilantik sebagai gabenor, didapati tidak banyak yang dilakukannya untuk kebaikan penduduk di selatan Filipina.

"Jadi kita tidak lagi berasa bertanggungjawab untuk memberi bantuan kepadanya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata setelah Malaysia menolong Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) untuk menyelesaikan masalah di selatan Filipina, sekarang Misuari mencetuskan satu lagi pemberontakan untuk menunjukkan yang dia tidak sehaluan fikiran dengan ramai penduduk di sana.

Misuari, yang memimpin MNLF dalam pemberontakan pemisahan berdarah pada 1970an, mengisytiharkan peperangan baru terhadap Manila minggu lepas kerana Presiden Gloria Macapagal Arroyo menyokong puak yang menentang MNLF.

-- BERNAMA

SR MFJ MAI